

## SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@tabh.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

### PROGRAM EHSAN TH MEMANFAATKAN LEBIH 1,900 ASNAD

**KUALA BERANG, Rabu, 31 Mei 2017:** Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyumbang **RM82,000** kepada **164** orang asnaf fakir miskin di bawah program tanggungjawab sosial korporat tahunannya, Program Ehsan **TH**; bertempat di Dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu, Kuala Berang, Terengganu.

Pada tahun ini, Program Ehsan **TH** mensasarkan sumbangan kepada seramai **1,941** asnaf fakir dan miskin di seluruh negara. Sumbangan zakat ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohyen Mosman, Pengarah **TH** Negeri Terengganu, dengan penerima sumbangan zakat Program Ehsan **TH** terdiri daripada warga emas, ibu dan bapa tunggal serta orang kelainan upaya (OKU) yang miskin tegar.

“Program Ehsan yang kita adakan hari ini adalah salah satu dari program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) **TH** bersempena bulan Ramadhan, bertujuan untuk membantu ibu dan bapa tunggal, warga emas dan orang kurang upaya daripada golongan asnaf fakir miskin di seluruh negara. Program ini merupakan platform terbaik buat **TH** mendekati para penerima, selain mengeratkan lagi ikatan silaturrahim dengan komuniti setempat,” kata YBhg. Dato' Mohyen Mosman.

Selaras dengan matlamat tanggungjawab sosial korporatnya, **TH** sentiasa komited dalam memainkan peranan dan menggalas tanggungjawabnya dengan baik. Selain Program Ehsan, **TH** turut sedang melaksanakan Program Ziarah Kasih Ramadan Al Mubarak 2017 yang dikendalikan Yayasan **TH** di 50 lokasi seluruh negara bersempena bulan Ramadan tahun ini. Program-program seumpama ini

jelas memperlihatkan keprihatinan **TH** terhadap keperluan masyarakat Islam setempat khususnya golongan asnaf.

Majlis ini turut dihadiri oleh Tuan Haji Azmi bin Razik, Pegawai Daerah Hulu Terengganu, para pegawai **TH** serta keluarga penerima.

-Tamat-

### **Lembaga Tabung Haji**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.